



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

(62) KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 43

10 Disember 2010

Ketua Pengarang,
Utusan Malaysia

Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 8 Disember 2010
Mukasurat : 11
Subjek : Kempen Kesedaran Kitar Semula Gagal?

Merujuk kepada perkara diatas, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada pihak Utusan Malaysia dan Encik Zainal Abidin Mat Noor yang telah mengketengahkan isu ini. KPKT khususnya Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah meneliti artikel tersebut dan membuat semakan terhadap isu yang dikemukakan.

Untuk makluman, berdasarkan kajian yang dibuat oleh Japan International Corporation Agency (JICA), jumlah sisa pepejal yang dihasilkan oleh penduduk negara ini akan meningkat dari tahun ke tahun dan menjelang tahun 2020, sisa pepejal yang dihasilkan oleh penduduk Malaysia dianggarkan sebanyak 30,000 tan sehari. Kerajaan akur ini merupakan jumlah yang besar, sehubungan dengan itu Kerajaan berpandangan bahawa program 3R iaitu mengurangkan, mengguna semula dan kitar semula merupakan strategi utama dalam menangani jumlah sisa pepejal di negara ini.

Sehubungan itu, program kitar semula dilancarkan secara rasminya pada 2 Disember 2000 dengan penglibatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk Fasa I. Berikutan maklum balas yang baik diterima daripada masyarakat setempat, KPKT telah meluaskan penglibatan PBT dengan tambahan 78 PBT dalam Fasa II pada November 2001. Ini menjadikan jumlah PBT yang terlibat secara langsung dalam program ini berjumlah 107 PBT. Setakat ini tiada kajian khusus dibuat untuk mengukur dan mengesahkan kadar kitar semula kebangsaan yang terbaru. Namun dokumen RMKe-9 menyatakan kadar kitar semula rakyat Malaysia adalah sekitar 5% setahun dan jangkaan kitar semula penduduk Malaysia pada tahun 2020 adalah sebanyak 22%.

KPKT terus komited untuk meneruskan program ini dengan merancang banyak program-program yang berkaitan dengan kitar semula, antaranya pembelian Tong Kitar Semula 240 liter kepada PBT, pembinaan dua buah pusat pengumpulan kitar semula berskala besar di Subang Jaya, Selangor dan PPR Taman Intan Baiduri, Kuala Lumpur, penganjuran Forum 3R, Projek Perintis Kempen Kitar Semula di lapan Presint di Putrajaya dan banyak lagi. Berdasarkan kajian Penilaian Outcome dan Impak Projek Perintis Kempen Kitar Semula di lapan Presint di Putrajaya mendapati majoriti penduduk bersetuju kempen yang dilaksanakan telah meningkatkan kesedaran mereka terhadap keperluan aktiviti kitar semula dan kempen tersebut juga telah mempengaruhi mereka untuk mengamalkan kitar semula. Kempen-kempen seperti ini akan diperluaskan lagi di masa akan datang.

Selain daripada kempen-kempen melalui program yang dianjurkan oleh KPKT sendiri, Kementerian juga turut memberi sokongan penuh kepada pihak-pihak pertubuhan bukan kerajaan dan swasta yang menjalankan program-program 3R. Selain daripada itu turut dijalankan beberapa program anjuran bersama Kementerian dan juga Danish International Development Assistance (DANIDA) di seluruh Malaysia. Antara program tersebut seperti Recycle Bank in Schools & 3R Activity in Rural Community di Pulau Pinang,

Recycling Activities in Selected Model Schools in Kinta Selatan, Perak dan Schedule Collection of Bulky Wastes and Recycleable di Melaka.

KPKT amat mengalu-alukan kempen 'Hari Tanpa Beg Plastik' yang dilancarkan oleh pelbagai pihak. Buat masa sekarang, KPKT sedang meneliti dan mengkaji beberapa pendekatan untuk menangani masalah penggunaan dan pelupusan beg plastik. KPKT sentiasa menggiatkan usaha meningkatkan kesedaran awam betapa pentingnya mengitar semula plastik yang telah digunakan bagi melindungi alam sekitar. Kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan, pihak swasta dan juga perseorangan akan terus diperbanyakkan. Bagi perancangan jangka panjang, KPKT akan menggunakan peruntukan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 untuk mewajibkan supaya bahan-bahan yang boleh dikitar semula seperti plastik diasingkan daripada sisa pepejal yang lain.

Kementerian percaya, dengan mempergiatkan lagi kempen kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan kitar semula, kerjasama dan penglibatan Kementerian, Institusi pendidikan, Pertubuhan bukan kerajaan, orang awam dan penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam (Akta 672) kelak budaya kitar semula dapat diterapkan didalam diri semua rakyat Malaysia

**Dikeluarkan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**